

SISTEM PRABAYAR LETAK KERETA

banyak kelebihannya

Adakah anda mengalami masalah-masalah seperti berikut?

- Dikenakan surcaj kerana melewati tempoh yang ditetapkan.
- Sukar mencari Atendan atau tempat letak kereta untuk membuat pembayaran.
- Sukar menyesuaikan masa untuk membuat pembayaran.
- Banyak masa terbuang apabila membuat pembayaran.
- Tinggal atau sering berada di luar daerah.
- Tiket letak kereta selalu hilang atau tercicir tanpa disedari.
- Sukar menyimpan resit-resit pembayaran kerana bersaiz kecil dan terlalu banyak.
- Sukar membuat penyemakan terhadap pembayaran-pembayaran yang telah dilakukan dsb.

Kini semua masalah ini dapat diatasi dengan satu langkah mudah iaitu dengan cara melanggan "**SISTEM PRABAYAR LETAK KERETA**".

Bagaimanakah cara atau syarat untuk melanggan?

1. Daftarkan kenderaaan.
2. Selesaikan tunggakan hutang, jika ada.
3. Beli salah satu Tiket Prabayar Letak Kereta yang disediakan.

Nilai Tiket Prabayar yang disediakan adalah bernilai RM300.00, RM100, RM50.00 dan RM30.00.

Selepas didaftarkan, mana-mana tiket letak kereta yang dikenakan ke atas kereta pengguna berkenaan akan didebit secara automatik daripada akaun pengguna. Proses ini berterusan sehingga akaun pengguna kehabisan nilai. Untuk memastikan akaun terus aktif, pengguna dikehendaki menambah nilai dalam akaun (topup).

Di manakah tempat-tempat untuk membuat pendaftaran dan mendapatkan nilai tambah?

Pendaftaran hanya boleh dilakukan di pejabat Unit Letak Kereta MPS manakala penambahan nilai boleh dilakukan sama ada di pejabat Unit Letak Kereta MPS atau di mana-mana pondok pembayaran letak kereta MPS yang terpilih.

Bilakah tarikh kuat kuasa pendebitan akaun dilakukan?

Pendebitan hanya dilakukan untuk tiket-tiket letak kereta yang dikeluarkan pada atau selepas tarikh pendaftaran dibuat dan akaun akan dikemaskini dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh tiket-tiket letak kereta dikeluarkan.

Bagaimanakah para pengguna menyemak akaun?

Penyata pembayaran boleh didapatkan melalui email atau melalui kaunter di pejabat Unit Letak Kereta.

Walau bagaimanapun, bayaran perkhidmatan sebanyak RM1.00 bagi setiap bulan dengan tidak melebihi tiga (3) bulan akan dikenakan jika para pengguna ingin mendapatkan salinan bercetak penyata akaun di pejabat Unit Letak Kereta

Bagaimanakah jika nilai letak kereta melebihi nilai di dalam akaun?

Bakinya akan menjadi tunggakan dan akan dikenakan surcaj jika melewati tempoh 21 hari (balik ke sistem asal).

Bagaimanakah pengguna mengetahui bahawa akaunnya telah kehabisan nilai?

Pengguna akan dimaklumkan melalui email.

Berapa kereta dibolehkan menggunakan satu akaun?

Satu akaun untuk kegunaan satu kereta sahaja.

Bolehkah nombor kereta di dalam akaun ditukar?

Boleh tetapi mestilah dibuat secara rasmi di pejabat Unit Letak Kereta Majlis Perbandaran Sandakan.

Bagaimanakah jika berlaku kesilapan dalam akaun?

Para pengguna bertanggungjawab menyemak akaun masing-masing dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang keraguan, para pengguna haruslah memaklumkan pejabat Unit Letak Kereta MPS dengan seberapa segera. Sekiranya tiada aduan diterima dalam tempoh 15 hari pada setiap bulan berikutnya, maka akaun pada bulan sebelum itu adalah dianggap betul..

Boleh baki wang dikembalikan jika pengguna ingin menutup akaun?

Tidak. Pengguna haruslah menghabiskan baki wang sebelum menutup akaun atau baki wang lupus dengan sendirinya apabila tidak digunakan melebihi satu (1) tahun.